



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

---

**KEANGGOTAAN LEMBAGA PEROLEHAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Pejabat Bendahari**

**26 Januari 2020**

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

# **UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

No. Rujukan : No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (eI)

29 JANUARI 2020

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2020**

### **KEANGGOTAAN LEMBAGA PEROLEHAN**

### **UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf mengenai keanggotaan Lembaga Perolehan Universiti Malaysia Kelantan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima beberapa surat arahan dari pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) seperti berikut:
  - a. Surat daripada MOF No. Rujukan MOF.SBM (S) 600-41/1/5 (SK2)(12) bertarikh 16 Ogos 2019 mengenai Peraturan Perolehan BBP.
  - b. Surat daripada KPM No. Rujukan KPM.BPL.S 400-10/3/259 (94) bertarikh 17 September 2019 mengenai Pelaksanaan Arahan Baru Dari MOF Berkaitan Peraturan Perolehan BBP.
- 2.2 Melalui surat-surat arahan tersebut, pihak MOF telah mengkaji semula dan membuat beberapa penambahbaikan ke atas perolehan kerajaan. Di antaranya adalah berkaitan Lembaga Perolehan. Keanggotan Lembaga Perolehan BBP ditetapkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Tubuh masing-masing tetapi Pengerusi Lembaga Pengarah tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perolehan.

- 2.3 Pihak KPM telah meminta UMK agar membuat pindaan ke atas keanggotaan Lembaga Perolehan mengikut arahan terbaru tersebut dan mengemukakan pindaan kepada KPM sebelum 1 November 2019 untuk tujuan penyelarasan. Pindaan tersebut akan dipanjangkan ke MOF bagi mendapatkan kelulusan sebelum pewartaan dapat dibuat oleh pihak KPM. Oleh itu, mesyuarat Lembaga Perolehan adalah berdasarkan warta sedia ada sehingga urusan pewartaan keanggotaan Lembaga Perolehan baru selesai.
- 2.4 Keanggotaan Lembaga Perolehan Universiti Malaysia Kelantan ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 04/2019 (Kali Ke-51) yang telah bersidang pada 08 November 2019 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 04/2019 (Kali Ke-51) yang telah bersidang pada 14 November 2019.

### **3.0 SYARAT-SYARAT LEMBAGA PEROLEHAN**

- 3.1 MOF sebagaimana surat arahan di atas telah menetapkan syarat-syarat Lembaga Perolehan seperti berikut:
  - a. Pemakaian Gelaran Lembaga Perolehan  
Boleh menggunakan gelaran Jawatankuasa Perolehan Tender atau Lembaga Perolehan, mengikut mana yang bersesuaian selaras dengan Akta Tubuh BBP masing-masing.
  - b. Bilangan Penubuhan Jawatankuasa Perolehan Tender/Lembaga Perolehan  
Satu (1) Lembaga Perolehan sahaja bagi setiap BBP. Lembaga Perolehan BBP ini bertanggungjawab untuk memutuskan perolehan sama ada yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman.

- c. Keanggotaan Lembaga Perolehan
    - i. Ditetapkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Tubuh masing-masing.
    - ii. Pengerusi Lembaga Pengarah tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perolehan.
  - d. Pewartaan Lembaga Perolehan

Pewartaan semua Lembaga Perolehan BBP diuruskan oleh Kementerian Pengawal masing-masing secara berkelompok melalui satu (1) warta sahaja dan dikemukakan sesalinan warta tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.
- 3.2 MOF juga melalui Pekeliling Perbendaharan W.P 7.5 mengenai Peraturan Perolehan BBP telah menetapkan syarat-syarat lain Lembaga Perolehan seperti berikut:
- a. Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP BBP hendaklah merupakan seorang pegawai awam atau pegawai BBP dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah BBP masing-masing;
  - b. Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP BBP bukan merupakan lantikan politik;
  - c. Pengerusi dan Pengerusi Ganti LP BBP bukan merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah BBP berkenaan;
  - d. Bagi BBP yang mempunyai wakil MOF dalam Lembaga Pengarah, wakil MOF tersebut boleh menganggotai LP BBP tersebut;
  - e. Wakil daripada Jabatan Teknik dalaman BBP/Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia)/Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia) boleh dilantik sebagai ahli LP BBP sekiranya keperluan teknikal diperlukan;

- f. Selain itu, Lembaga Pengarah BBP juga boleh melantik manapun pegawai awam/BBP sebagai ahli LP BBP yang boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu sekiranya diperlukan; dan
- g. Kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli LP yang telah dilantik.

#### **4.0 KEANGGOTAAN LEMBAGA PEROLEHAN BAHRU**

- 4.1 Keanggotaan Lembaga Perolehan UMK adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

NAMA JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Naib Canselor
Pengerusi Ganti	Mana-mana Timbalan Naib Canselor
Ahli	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wakil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</li> <li>• Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</li> <li>• Seorang Wakil Senat</li> <li>• Pendaftar</li> <li>• Pengarah, Pejabat Pembangunan &amp; Pengurusan Infrastruktur</li> <li>• Seorang Pegawai Awam (Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional) dari Agensi lain yang dengan pengetahuan dan pengalamannya boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan (jika perlu)</li> </ul>
Setiausaha	Bendahari
Kourum	Kourum minima untuk Lembaga bersidang adalah tiga (3) orang termasuk Pengerusi dan Setiausaha.

**Jadual 1 : Keanggotaan Lembaga Perolehan UMK**

- 4.2 Wakil Pegawai Awam dalam Lembaga Perolehan UMK sebelum ini iaitu Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan/Wakil adalah dikekalkan.

## **5.0 PEMAKAIAN HAD NILAI KUASA MELULUS**

- 5.1 Had nilai kuasa melulus bagi Lembaga Perolehan UMK bagi perolehan yang melibatkan sumber Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman adalah sebagaimana Jadual 2 berikut:

<b>SUMBER/HAD NILAI</b>	<b>SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANYA</b>	<b>SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA</b>
Sehingga RM20 ribu	Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah	
Melebihi RM20 ribu hingga RM500 ribu	Jawatankuasa Perolehan Sebut Harga	
Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta	Lembaga Perolehan Tender	
Melebihi RM100 juta	MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)	Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan Tender)

**Jadual 2 : Had Nilai Kuasa Melulus**

## **6.0 ELAUN MENGHADIRI MESYUARAT BAGI MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN UMK**

- 6.1 Menurut Pekeliling Perbendaharan, WP 7.1 Garis Panduan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan menyatakan bahawa:

- a. Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan yang menerima Elaun Tetap Bulanan, tetapi dilantik menjadi ahli panel/jawatankuasa berkenaan, dan dibenarkan oleh Akta berkenaan, layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa (EMMJ) sebanyak RM500.00 sekali mesyuarat, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.

- b. Ahli-ahli panel/jawatankuasa yang bukan terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan atau Ahli Ganti atau Wakil Ahli layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa (EMMJ) atas kadar RM500.00 sekali mesyuarat dengan syarat pelantikan Ahli Ganti/Wakil Ahli itu dibenarkan oleh Akta berkenaan, terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.
- 6.2 Sehubungan itu, wakil MOF, wakil KPM dan wakil Pegawai Awam daripada Agensi Lain dalam Lembaga Perolehan UMK termasuk ahli ganti adalah dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat (EMM) sebanyak RM500.00 sekali mesyuarat dan terhad kepada satu (1) mesyuarat sebulan.

## **7.0 PEMAKAIAN**

7.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**JUNAIDAH BINTI BADAR**

Bendahari

b.p: Naib Canselor